

**FASCOM ENTERPRISE
NO: 35, TINGKAT 1
KOMPLEKS P.K.N.P.S
JALAN BUKIT LAGI
01000 KANGAR
PERLIS**

***RANCANGAN PERNIAGAAN
AGEN MOBILEPHONE***

**DISEDIAKAN UNTUK :
EN. ABDUL RAZAK BIN AMIR
PENSYARAH ETR 300
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERLIS**

**DI SEDIAKAN OLEH :
FASCOM ENTERPRISE
NO: 35, TINGKAT 1
KOMPLEKS P.K.N.P.S
JALAN BUKIT LAGI
01000 KANGAR
PERLIS**



ISI KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| Penyerahan Rancangan Perniagaan | |
| Penghargaan | |
| Mukaddimah | |
| Sinopsis | |
| Pengenalan | 1 |
| Tujuan | 2 |
| Logo | 3 |
| Latar Belakang Syarikat | 4 |
| Latar Belakang Pemilik | 5 |
| Latar Belakang Projek | |
| · Pemasaran | |
| 1. Rancangan Pemasaran | 13 |
| 2. Persaingan | 23 |
| 3. Strategi Pemasaran | 30 |
| 4. Trend Lima Tahun | 35 |
| 5. Belanjawan Pasaran | 36 |
| Rancangan Operasi | 37 |
| Rancangan Organisasi | 39 |
| Rancangan Kewangan | 57 |
| Rumusan | 69 |
| Perjanjian Perkongsian | 70 |
| Lampiran | 73 |



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY
02600 Arau, Perlis. Malaysia

CAWANGAN PERLIS

PERLIS BRANCH

Telefon : 04-9861001-2-3

Faksimili : 04-9862233

Tarikh: 07/2/1995

Fail Rujukan: 100-ITMCPs (HEA-30/7B) Jld. 6 (153)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

**PENGESAHAN SEBAGAI PELAJAR ITM
UNTUK PROJEK : AGEN TALIFON MUDAH ALIH
KURSUS : DIPLOMA IN ACCOUNTANCY
MATA PELAJARAN : ETR 300**

Dengan ini disahkan bahawa nama-nama seperti senarai di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA, Cawangan Perlis.

| BIL | NAMA | NO. KAD PELAJAR |
|-----|-------------------------------|-----------------|
| 1. | SITI NOOR 'AINI BT MAT RASHID | 92822157 |
| 2. | ZURAIDAH BT MASHHUDI | 92889556 |
| 3. | NOORASMAH BT ZAINAL ABIDIN | 92534599 |
| 4. | ROHANI BT MOHD. SALIM | 92874981 |
| 5. | NORAHANIM BT ZAKARIA | 92093219 |

Untuk makluman tuan/puan mereka ini sedang mengikuti mata pelajaran yang tersebut di atas sebagai keperluan kursus sebelum dianugerahkan Diploma.

Untuk membolehkan mereka menyiapkan kertas projek tersebut, mereka memerlukan maklumat atau bahan dari pihak tuan/puan.

Sehubungan dengan itu, sukacita kami sekiranya pihak tuan/puan dapat membekalkan apa-apa maklumat atau bahan yang diperlukan oleh mereka. Maklumat atau bahan yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik.

Kerjasama pihak tuan/puan dalam hal ini sangat kami hargai dan pihak ITM Cawangan Perlis mendahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

NAZRI B. KULUP MAHMUD
Timbalan Pengetua HEA,
b/p Pengetua.

S.k: Pensyarah Mata pelajaran

JO:rbm

MUQADDIMAH

Rancangan Perniagaan ini merupakan satu tugas berkumpulan dikhususkan kepada pelajar-pelajar bahagian 5 ITM. Ianya berobjektifkan agar daripadanya dapat ditimba pengalaman yang penting untuk dipraktikkan di masa akan datang. Ini adalah bersesuaian dengan matlamat asal matapelajaran Asas Keusahawanan itu sendiri.

Tujuan utama pembikinan Rancangan Perniagaan ini adalah sebagai usaha awal dalam pendedahan kepada pelajar-pelajar terhadap aspek-aspek perniagaan serta asas-asas utama yang diperlukan oleh pihak bank atau dari mana-mana institusi kewangan untuk tujuan permohonan bantuan kewangan. Ruang lingkup yang ditekankan terhadap pelajar-pelajar adalah meliputi kewangan, pemasaran, pentadbiran dan operasi.

Sebagai akhirnya, sekiranya terdapat mana-mana ralat dalam penyediaan Rancangan Perniagaan ini, kami sedia menerima apa-apa teguran yang membina sebagai arah panduan untuk kami di masa hadapan. InsyaAllah, semoga apa yang kami usahakan akan dirahmati serta diberkati Allah.

SINOPSIS

Setelah perbincangan dan penyelidikan telah dibuat, kami membuat keputusan untuk membuka sebuah perniagaan perkongsian, AGEN MOBILEPHONE yang dinamakan FASCOM ENTERPRISE yang didaftarkan pada 1 Oktober 1995 dan akan mula beroperasi pada 1 Januari 1996.

Kami menjalankan perniagaan menjual mobilephone dari pelbagai jenama, menyediakan khidmat baik pulih dan menguruskan proses mendapatkan talian daripada Celcom dan Mobikom. Kedai kami menyediakan ruang pameran untuk pelbagai jenis mobilephone supaya pelanggan-pelanggan dapat membuat pilihan mengikut citarasa dan keperluan.

Perniagaan yang dirancang ini bakal beroperasi di Jalan Bukit Lagi, Kanga di mana kami sangat yakin ia mampu menarik pelanggan dari sekitar Negeri Perlis dan Kedah. Dalam memenuhi dasar pembangunan ekonomi negara dan menyahut seruan Wawasan 2020, kami yakin perniagaan kami akan dapat memberi sumbangan ke arah kecemerlangan ekonomi dan pembangunan negara.

Sasaran pasaran utama kami tertumpu di seluruh negeri Perlis dan Kedah terutamanya ahli-ahli perniagaan dan orang perseorangan. Adalah diharapkan dalam usaha memperkembangkan matlamat pasaran perniagaan ini, kami akan dapat membuka cawangan di tempat lain seperti Padang Besar, Kuala Perlis dan Langkawi.

Pengurusan perniagaan kami dikendalikan oleh seorang pengurus merangkap rakan kongsi manakala empat rakan kongsi yang lain bertindak sebagai "sleeping partners" dan juga menjadi broker jualan kepada perniagaan ini.

Rentetan dari ini, kami yakin perniagaan ini berpotensi serta berdaya maju dalam menghadapi dunia persaingan dalam perniagaan.